



PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI

Organisational Anti-Corruption Plan (OACP)

2023-2027



LEMBAGA AHLI GEOLOGI



Lembaga Ahli Geologi Malaysia

LEMBAGA AHLI GEOLOGI

KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

www.bog.gov.my

Diterbitkan oleh:

Lembaga Ahli Geologi,
Aras 8, Menara PjH,
No. 2, Jalan Tun Abdul Razak, Presint 2,
62100 PUTRAJAYA

Cetakan Pertama 2023

LEMBAGA AHLI GEOLOGI MALAYSIA
KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

**PELAN
ANTIRASUAH
ORGANISASI**

Organisational Anti-Corruption Plan (OACP)

2023-2027



Email: info@bog.gov.my

Website: www.bog.gov.my

Hak Cipta Terpelihara

LEMBAGA AHLI GEOLOGI MALAYSIA

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga, sama ada cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagaimananya tanpa kebenaran bertulis daripada Pengerusi Lembaga Ahli Geologi Malaysia terlebih dahulu.

RASUAH MUSNAHKAN NEGARA, BANGSA

“Rasuah sebagai antara sebab utama membantutkan pertumbuhan ekonomi, menghilangkan minat pelaburan asing, meningkatkan kos pentadbiran dan urus niaga, menidakkannya rakyat daripada mendapat perkhidmatan serta mendorong kepada berlakunya ketidakstabilan politik.”

“Banyak negara dianugerahi rahmat Ilahi dengan pelbagai sumber kekayaan tetapi kerana rasuah, ada yang terbenam dalam kemelut kemunduran - ada yang tertimbus dalam lumpur kemiskinan. Kekayaan negara disalah guna - hasil mahsul lesap, akibatnya kemunduran terus melanda - kemiskinan terus merebak. Apabila tidak ada kesungguhan untuk membanteras rasuah, ia akan tumbuh melebar - subur membesar, lalu diterima sebagai norma dan akhirnya meresap menjadi budaya, hingga memusnahkan sesbuah negara bangsa.”

“Kehidupan dunia adalah ujian. Pangkat dan jawatan adalah ujian. Amanah dan tanggung jawab juga ujian. Menegak yang makruf dan menentang yang mungkar adalah tuntutan. Setiap janji diungkapkan, setiap perkara dilakukan atau tidak dilakukan akan diperiksa pada hari kebangkitan; ketika itu tidak ada peguam bela untuk membela dosa yang dilakukan, begitu juga amanah yang gagal disempurnakan. Memerangi rasuah adalah jihad, yang perlu disemaikan di hati sanubari insan.”

(Petikan Titah DiRaja Sultan Perak, Sultan Nazrin Shah sempena Ulang Tahun Penubuhan Badan Pencegah Rasuah (BPR/SPRM) Ke-47, Oktober 3, 2014)

ISI KANDUNGAN

PERUTUSAN PENGERUSI	5
1. PENGENALAN	7
1.1 Latar Belakang Lembaga Ahli Geologi	7
1.2 Pernyataan Visi dan Misi	8
1.3 Fungsi-Fungsi Lembaga Ahli Geologi	9
1.4 Keanggotaan Lembaga Ahli Geologi	10
1.5 Jawatankuasa-Jawatankuasa	10
1.6 Analisis Persekutaran dan Penilaian Risiko	11
1.7 Bidang-Bidang Berisiko	11
2. PENGUKUHAN GOVERNANS, INTEGRITI DAN ANTIRASUAH LEMBAGA AHLI GEOLOGI	15
2.1 Kerangka Utama OACP Lembaga Ahli Geologi	15
2.2 Analisis Kuadran OACP Lembaga Ahli Geologi	16
2.3 Strategi, Objektif Strategik dan Inisiatif OACP	16
2.4 Pelan Tindakan OACP Lembaga Ahli Geologi	19
3. MEMPERKASAKAN USAHA PENCEGAHAN RASUAH LEMBAGA AHLI GEOLOGI	23
3.1 Mekanisme Pelaksanaan	23
3.2 Penyediaan Laporan Pencapaian Pelaksanaan OACP	24
3.3 Struktur Tadbir Urus OACP	25
3.4 Mekanisme Penyelarasaran Dan Pemantauan	27
3.5 Mekanisme Penilaian	28
3.6 Penilaian	28
3.7 Semakan dan Pembaharuan OACP	29
4. KESIMPULAN	31
4.1 Kesimpulan Pelan Antirasuah Lembaga Ahli Geologi	31



Pejabat Lembaga Ahli Geologi, di Aras 8, Menara PjH, Putrajaya.

PERUTUSAN PENGERUSI

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Pertama sekali saya mengucapkan Alhamdulillah bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, Lembaga Ahli Geologi Malaysia (LAGM) telah berjaya merealisasikan penerbitan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) 2023-2027. Tahniah diucapkan kepada semua pihak yang menyumbang masa dan tenaga dalam usaha untuk membangunkan pelan antirasuah organisasi ini.

Kita sedia maklum bahawa kerajaan Malaysia sentiasa meletakkan komitmen tertinggi dalam memupuk nilai integriti dan membanteras masalah rasuah di negara ini. Lembaga ini bertanggungjawab untuk bersama-sama menyokong usaha ini di peringkat agensi agar segala inisiatif ke arah sebuah negara bersih dapat dihasilkan secara bersama.

Diharapkan agar pelan ini dapat membendung masalah rasuah, malah dalam masa yang sama juga dapat mengekang isu-isu integriti daripada berlaku dengan mewujudkan inisiatif tadbir urus yang lebih baik kepada Lembaga ini.

Saya mengharapkan agar seluruh warga kerja LAGM sentiasa cakna akan inisiatif yang diwujudkan melalui pelan ini. Seterusnya bekerjasama mencapai aspirasi Lembaga untuk menjadi sebuah badan profesional yang unggul, dihormati, bebas rasuah, berintegriti tinggi dan mesra pelanggan. Insya-Allah.



DATO' ZAKARIA BIN MOHAMAD
Pengerusi
Lembaga Ahli Geologi.





1. PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Lembaga Ahli Geologi Malaysia


Lembaga Ahli Geologi Malaysia (LAGM) telah ditubuhkan di bawah Akta Ahli Geologi 2008 [Akta 689] Undang–Undang Malaysia. LAGM telah diberikan mandat untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran ahli geologi, pengawalselian amalan geologi dan bagi perkara–perkara yang berhubung dengannya.

Lembaga Ahli Geologi atau *Board of Geologists*, ialah sebuah Badan Berkanun Persekutuan dan organisasi ini berada di bawah Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar Dan Perubahan Iklim (dahulunya Kementerian Tenaga dan Sumber Asli). Walau pun Akta Ahli Geologi [Akta 689] ini telah diluluskan Parlimen pada tahun 2008, tetapi organisasi ini mula diperbadankan secara rasmi hanya setelah Menteri berkenaan menetapkan 28 November 2014 sebagai tarikh Akta itu mula berkuat kuasa.

Premis pejabat Lembaga Ahli Geologi telah di tempatkan bersama Ibu Pejabat Jabatan Mineral Dan Geosains. Pengoperasian pejabat LAGM telah bermula pada 16 Februari 2015, bertempat di Tingkat 19, Bangunan Lembaga Tabung Haji, Kuala Lumpur. Seterusnya pada 1 Januari 2018, Pejabat LAGM telah berpindah bersama JMG ke premis baharu bertempat di Aras 8, Menara PjH, Presint 2, Putrajaya.

Proses penerimaan pendaftaran bermula pada akhir 2015 setelah Peraturan–Peraturan Ahli Geologi (Pendaftaran Ahli Geologi) 2015, disahkan dan diterbitkan dalam Warta Kerajaan. Pada peringkat awal, Lembaga telah melantik seorang Pendaftar dan seorang Setiausaha untuk mengurus tadbir dan menjalankan fungsi-fungsi harian seperti urusan pendaftaran, pentadbiran dan kewangan Lembaga. Kini, pejabat Lembaga telah mempunyai enam (6) staf bagi menyelesaikan keperluan tugas harian. Namun, Lembaga masih belum mempunyai satu organisasi yang jelas dan mantap bagi melaksanakan beban tugas yang bertambah.

1.2 Pernyataan Visi dan Misi



VISI

Menjadikan Lembaga Ahli Geologi agensi pengawal-selia yang unggul di rantau ini demi keselamatan awam dan alam sekitar melalui perkhidmatan geologi yang cekap, beretika dan profesional.

MISI

Untuk memastikan keselamatan dan harta benda awam dilindungi dengan meningkatkan tahap piawai kompetensi dan integriti melalui pengawalseliaan perlakuan dan etika profesi geologi.

1.3 Fungsi-Fungsi Lembaga Ahli Geologi Malaysia

- a) melaksanakan tugas dan fungsi dan menjalankan kuasa sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta ini;
- b) dengan kelulusan Menteri, menentukan skala fi yang akan dikenakan oleh ahli geologi profesional berdaftar, ahli geologi asing berdaftar dan pengamal berdaftar bagi perkhidmatan geologi yang diberikan;
- c) menentukan dan mengawal selia kelakuan dan etika profesional profesion geologi;
- d) mendengar dan menentukan pertikaian yang berhubungan dengan kelakuan atau etika profesional ahli geologi berdaftar dan pengamal berdaftar, atau menubuhkan suatu jawatankuasa atau melantik seorang penimbang tara untuk mendengar dan menentukan pertikaian itu;
- e) mewakili profesion geologi dalam apa-apa perkara yang perlu atau suai manfaat untuk berbuat demikian;
- f) memeriksa dan, jika difikirkan perlu, membuat laporan tentang apa-apa perkara tempatan yang dikemukakan kepadanya dan membuat syor kepada kerajaan atau kepada mana-mana pihak berkuasa awam, pihak berkuasa tempatan atau pihak berkuasa berkanun atau kepada mana-mana institut, badan atau pertubuhan yang pada pendapat Lembaga mewakili profesion geologi;
- g) menimbangkan dan mengesyorkan pembaharuan kepada undang-undang yang berhubungan dengan survei geologi;
- h) menjalankan peperiksaan bagi penerimaan masuk ke dalam profesion geologi;
- i) melantik orang untuk mewakili profesion geologi dalam mana-mana badan atau panel pemeriksa yang boleh dilantik oleh mana-mana institut, badan atau pertubuhan yang pada pendapat Lembaga mewakili profesion geologi;
- j) membuat syor berhubung dengan apa-apa peperiksaan supaya layak diterima masuk ke dalam profesion geologi;
- k) mengadakan atau menyebabkan supaya diadakan program pembangunan profesional bagi ahli geologi berdaftar dan pengamal berdaftar untuk mempertingkatkan pengetahuan mereka dalam pembangunan terkini yang berhubungan dengan profesion geologi;

- I) memberikan biasiswa dan kemudahan lain bagi menggalakkan pembelajaran dan pendidikan yang berkaitan dengan geologi; dan
- m) melakukan apa-apa benda lain sebagaimana yang difikirkannya patut untuk membolehkannya melaksanakan fungsinya dengan berkesan atau yang bersampingan dengan pelaksanaan fungsinya.

1.4 Keanggotaan Lembaga Ahli Geologi Malaysia

Keanggotaan Lembaga terdiri daripada 14 warganegara Malaysia yang dilantik oleh Menteri seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 6 Akta:

- a) seorang Pengurus yang merupakan seorang ahli geologi profesional berdaftar;
- b) seorang wakil Institut Geologi Malaysia;
- c) lima orang ahli geologi profesional berdaftar dalam perkhidmatan awam atau dalam mana-mana pihak berkuasa tempatan atau pihak berkuasa berkanun yang merupakan ahli geologi profesional berdaftar;
- d) lima orang ahli geologi profesional berdaftar yang menjalankan amalan persendirian atau dalam penggajian sepenuh masa mana-mana orang atau kumpulan orang selain perkhidmatan awam atau mana-mana pihak berkuasa tempatan atau pihak berkuasa berkanun; dan
- e) dua orang yang, pada pendapat Menteri, dapat menyumbang kepada pemajuan profesion.

1.5 Jawatankuasa-Jawatankuasa

Lembaga Ahli Geologi Malaysia telah menubuhkan beberapa jawatankuasa untuk membantu Lembaga melaksanakan tugas-tugas Lembaga di bawah peruntukan Seksyen 14 Akta Ahli Geologi 2008. Pada masa sekarang, jawatankuasa-jawatankuasa yang ditubuhkan oleh LAGM adalah seperti berikut:

- Jawatankuasa Hal-Ehwal Korporat dan Kewangan (JHKK)
- Jawatankuasa Perundangan, Etika, Disiplin dan Penguatkuasaan (JPEDP)
- Jawatankuasa Program Pembangunan Profesional (JPPP)
- Jawatankuasa Promosi (JK Promosi)
- Jawatankuasa Skala Fi (JKSF)
- Jawatankuasa Audit (JK Audit)
- Jawatankuasa Akreditasi (JK Akreditasi)

Ahli Lembaga yang dilantik akan mempengerusikan setiap Jawatankuasa dan Lembaga boleh melantik individu yang, pada pendapat Lembaga dapat menyumbang kepada fungsi Lembaga untuk menjadi ahli mana-mana Jawatankuasa yang ditubuhkan.

1.6 Analisis Persekutaran dan Penilaian Risiko

Pelbagai maklumat telah dirujuk sepanjang proses penilaian risiko bagi menentukan bidang-bidang yang perlu diberi penekanan oleh Lembaga untuk pembangunan OACP Lembaga Ahli Geologi Malaysia bagi tempoh lima (5) tahun ke hadapan (2023 hingga 2027). Maklumat rujukan berkenaan adalah berbentuk data statistik, laporan, dan kajian daripada agensi yang berkaitan seperti berikut:

- i. Laporan Ketua Audit Negara
- ii. Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019 – 2023
- iii. Pelan Antirasuah Organisasi 2020-2024 JMG
- iv. Maklumat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
- v. Indeks Persepsi Rasuah
- vi. Laporan Institut Integriti Malaysia

1.7 Bidang-Bidang Keutamaan Berisiko

Berdasarkan penilaian risiko yang telah dijalankan, tiga (3) bidang utama yang terdedah kepada risiko governans, integriti dan antirasuah di Lembaga Ahli Geologi, yang telah dikenalpasti seperti berikut:

I) Pendaftaran Ahli Geologi dan Firma Perunding Geologi

Akta Ahli Geologi 2008 memperuntukkan Lembaga Ahli Geologi Malaysia untuk menerima pendaftaran Ahli Geologi yang ingin memberi khidmat geologi di negara ini. Pendaftaran Ahli Geologi dibahagi kepada beberapa kategori iaitu Ahli Geologi Siswazah Berdaftar, Ahli Geologi Profesional Berdaftar dan Ahli Geologi Asing Berdaftar. Tatacara kerja untuk pendaftaran adalah mengikut SOP yang ditetapkan dan diluluskan oleh Lembaga. Tatacara kerja tersebut menetapkan standard dan kriteria yang perlu dipenuhi oleh setiap permohonan pendaftaran untuk menjaga profesionalisme bidang geologi di negara ini. Ahli Geologi Siswazah Berdaftar yang memenuhi syarat akan ditawarkan untuk dinaiktaraf sebagai Ahli Geologi Profesional Berdaftar, manakala bukan warganegara boleh

berdaftar sebagai Ahli Geologi Asing Berdaftar. Pendaftaran Ahli Geologi hanya akan diterima setelah pemohon yang diluluskan membayar jumlah fi yang telah ditetapkan seperimana terkandung dalam Peraturan–Peraturan Ahli Geologi (Pendaftaran Ahli Geologi) 2015.

Lembaga Ahli Geologi Malaysia juga menguruskan pendaftaran firma perunding geologi bermula pada tahun 2020. Pendaftaran ini adalah bagi memenuhi keperluan Kementerian Kewangan (MOF) yang mensyaratkan supaya firma perunding geologi berdaftar dengan Lembaga Ahli Geologi terlebih dahulu sebelum membuat pendaftaran dengan MOF. Pendaftaran akan diterima jika permohonan memenuhi kriteria yang ditetapkan. Perakuan pendaftaran akan dikeluarkan setelah mendapat kelulusan Lembaga. Proses kerja untuk penerimaan pendaftaran firma perunding geologi ditetapkan oleh SOP sedia ada.

Perakuan Pendaftaran Ahli Geologi Berdaftar dan Firma Perunding Geologi akan tamat pada 31 Disember pada tahun ianya didaftar. Pemohon perlu memperbaharui pendaftaran mereka untuk tahun berikutnya dengan mengisi borang pembaharuan pendaftaran dan membayar fi yang ditetapkan. Ahli Geologi Berdaftar juga perlu mencukupi mata CPD mereka untuk tahun semasa bagi membolehkan mereka memperbaharui pendaftaran tahun berikutnya.

Peluang untuk berlaku rasuah sewaktu proses pendaftaran Ahli Geologi atau pendaftaran Firma Perunding Geologi boleh terjadi sama ada melalui mempercepatkan proses pendaftaran tanpa melalui proses kerja yang ditetapkan, meminda fakta dokumen ketika proses akreditasi dan penerimaan pendaftaran walaupun tidak memenuhi kriteria yang telah ditetapkan. Perlakuan ini secara keseluruhan akan memberi impak kepada profesion geologi kerana integriti Lembaga sebagai penyelia profesion geologi akan terjejas akibat adanya penglibatan aktiviti rasuah atau integriti dalam urusan pendaftaran.

Program Pembangunan Profesional Berterusan (CPD) dilaksanakan oleh Lembaga seperti mana diperuntukkan dalam Akta Ahli Geologi 2008 (seksyen 4(1)(k)). Tujuan diadakan CPD untuk Ahli Geologi Berdaftar dan Pengamal Berdaftar adalah untuk mempertingkatkan pengetahuan mereka dalam aktiviti, teknologi, dan pembangunan terkini yang berhubungan dengan profesion geologi. Ahli Geologi dan Pengamal Berdaftar perlu memperoleh pengetahuan dalam

pembangunan bidang geologi melalui program-program yang diperakukan Lembaga untuk memperoleh mata CPD. Bukti-bukti penglibatan tersebut perlu dihantar ke Lembaga sebagai rekod dan bagi membolehkan mereka memperbaharui perakuan pendaftaran mereka pada tahun berikutnya.

Kegagalan Ahli Geologi Berdaftar mendapatkan mata CPD yang mencukupi menyebabkan mereka tidak dapat memperbaharui pendaftaran, seterusnya tidak dapat memberikan khidmat geologi untuk tahun berkenaan. Dalam hal ini terdapat kemungkinan berlakunya aktiviti rasuah dari segi pemberian mata CPD untuk membolehkan seseorang memperbaharui pendaftaran ahli geologi. Keperluan pendaftaran Ahli Geologi ada berkaitan dengan sekatan ke atas pengambilan khidmat orang yang tidak berdaftar sepetimana diperuntukkan dalam sekyen 38 Akta Ahli Geologi 2008 [Akta 689]. Adalah menjadi suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan diberi hukuman seperti dinyatakan dalam subseksyen 38 (2).

II) Kawal Selia dan Penguatkuasaan

Akta Ahli Geologi 2008 [Akta 689] dikuatkuasa untuk menentukan dan mengawal selia kelakuan dan etika profesional profesi geologi. Ini termasuk aktiviti pendaftaran ahli dan firma geologi; menentukan dan mengawal selia kelakuan dan etika Ahli Geologi Berdaftar; mendengar dan menentukan pertikaian yang berhubungan dengan kelakuan atau etika profesional Ahli Geologi Berdaftar dan Pengamal berdaftar; atau menujuhkan suatu jawatankuasa atau melantik seorang penimbang tara untuk mendengar dan menentukan pertikaian itu; dan menimbangkan atau dan mengesyorkan pembaharuan kepada undang-undang yang berhubungan dengan Peraturan dan Akta berkaitan bidang Geologi.

Lembaga akan menerima aduan berkenaan salah laku atau kelakuan tidak profesional atau beretika oleh Ahli Geologi Berdaftar. Aduan tersebut perlu disertakan dengan bukti-bukti mengenai salah laku tersebut kepada Lembaga. Jawatankuasa Penyiasatan dan Jawatankuasa Disiplin yang dilantik akan menyiasat dan meneliti sesuatu aduan yang dikemukakan. Sekiranya aduan berkenaan mempunyai merit, tindakan seterusnya adalah mengangkat laporan aduan ke Majlis Pendengaran Lembaga untuk pertimbangan dan keputusan.

Lembaga juga akan menyiasat untuk salah laku atau kelakuan tidak profesional Ahli Geologi Berdaftar walaupun tiada aduan rasmi, dimana proses siasatan dan tindakan lanjut akan bergantung kepada cara Lembaga memperoleh informasi tersebut.

Bagi kes besar dan kompleks, Menteri boleh melantik daripada kalangan pegawai awam sebagai Inspektor untuk mengendalikan kes dimana kesalahan dibuat melebihi kapasiti pengendalian Lembaga. Kes–kes seperti ini akan dibawa untuk perbicaraan di mahkamah, dimana selepas mahkamah menetapkan keputusan, kes tersebut akan dibawa semula ke Lembaga untuk dikenakan tindakan tertentu selaras dengan Akta Ahli Geologi 2008.

Sesuatu aduan terhadap Ahli Geologi Berdaftar, jika disabitkan kesalahan, pihak tertuduh akan dikenakan tindakan berdasarkan peruntukan Akta, dan imej beliau turut tercemar dalam profesion geologi. Keadaan terdesak tertuduh untuk menjaga nama boleh menyebabkan beliau melakukan apa sahaja termasuk memberi rasuah. Perkara sama juga boleh terjadi jika jawatankuasa terlibat dengan kes tersebut, dimana mereka menjadi penerima rasuah dengan berjanji untuk membantu tertuduh dari disabitkan bagi tujuan membersihkan nama. Maka, terdapat keperluan untuk memastikan amalan rasuah tidak berlaku dalam perkara ini kerana peranan Lembaga dalam penguatkuasaan Akta tidak dapat dijalankan dengan berkesan dan berintegriti.

III) Pengurusan Kewangan dan Perolehan

Pengurusan kewangan dan perolehan merupakan proses dimana sesebuah organisasi perlu mengikut langkah-langkah tertentu untuk memperolehi dan mengagihkan sumber berdasarkan keutamaan dan menggunakan kaedah dan kawalan tertentu bagi mencapai objektif organisasi dengan cekap dan berkesan.

Pengurusan kewangan ini terlibat secara langsung dengan pendapatan Lembaga, perolehan, dan pengurusan kewangan bagi pelaksanaan program/aktiviti Lembaga yang membolehkan terdedah kepada insiden salah guna kuasa dan pelanggaran tatacara kewangan sepetimana yang ditetapkan Perbendaharaan.



2. PENGUKUHAN GOVERNANS, INTEGRITI DAN ANTIRASUAH LEMBAGA AHLI GEOLOGI

2.1 Kerangka Utama OACP Lembaga Ahli Geologi

MATLAMAT	<ul style="list-style-type: none"> • Mengurus dan melaksanakan urusan pendaftaran mengikut tadbir urus yang berintegriti dan berkesan. • Membuat penguatkuasaan Akta dan menyediakan perkhidmatan yang cekap dan telus terhadap perlakuan profesional ahli geologi dan profesion geologi • Mengurangkan salah laku integriti dalam pengurusan pentadbiran dan kewangan Lembaga
BIDANG KEUTAMAAN	<ul style="list-style-type: none"> • Pendaftaran Ahli Geologi dan Firma Perunding Geologi • Kawal selia dan penguatkuasaan • Pengurusan kewangan dan perolehan
STRATEGI	<ul style="list-style-type: none"> • Memperkasakan pendaftaran Ahli Geologi dan Firma Perunding Geologi • Memperkuuhkan kompetensi dan integriti sumber manusia • Memantapkan pengurusan kewangan dan perolehan

Kerangka utama OACP Lembaga Ahli Geologi bagi tempoh 2023 hingga 2027 boleh diringkaskan seperti berikut:

- | | |
|---------------------|------------------------------|
| Bidang Keutamaan: | 3 bidang |
| Strategi: | 3 strategi |
| Objektif Strategik: | 3 objektif strategik |
| Pelan Tindakan: | 15 inisiatif/urusan tindakan |

2.2 Analisis Kuadran OACP Lembaga Ahli Geologi

Hasil analisis kuadran yang telah dilaksanakan, sebanyak 15 pelan tindakan diberi keutamaan berdasarkan punca rasuah dan salah laku integriti yang yang berkemungkinan berlaku. Penentuan keutamaan inisiatif adalah berdasarkan Prinsip Pareto 80/20 melalui analisa terhadap tahap impak dan tahap kompleksiti pelaksanaannya. Penekanan akan dipusatkan kepada pelan tindakan yang berimpak tinggi dengan kompleksiti rendah yang mana akan memberi kesan besar kepada kecekapan dan ketelusan Lembaga dan pihak pengurusan. Didapati bahawa **8 inisiatif** berada dalam kelompok Kuadran A iaitu tergolong dalam inisiatif yang mempunyai impak tinggi dan kompleksiti rendah. Pelaksanaan inisiatif ini mampu memberikan hasil dan impak besar kepada Lembaga. Manakala terdapat **7 inisiatif** berada dalam kelompok Kuadran B yang tergolong dalam inisiatif yang mempunyai impak tinggi dan kompleksiti tinggi.

KUADRAN A	KUADRAN B	KUADRAN C	KUADRAN D
Kuadran A mewakili inisiatif BERIMPAK TINGGI, KOMPLEKSITI RENDAH	Kuadran B mewakili inisiatif BERIMPAK TINGGI, KOMPLEKSITI TINGGI	Kuadran C mewakili inisiatif BERIMPAK RENDAH, KOMPLEKSITI RENDAH	Kuadran D mewakili inisiatif BERIMPAK RENDAH, KOMPLEKSITI TINGGI

2.3 Strategi, Objektif Strategik Dan Inisiatif OACP

A) STRATEGI OACP LEMBAGA AHLI GEOLOGI MALAYSIA

Strategi I: Memperkasakan pendaftaran Ahli Geologi dan Firma Perunding Geologi di Malaysia.

Strategi II: Memperkuuhkan kompetensi dan integriti sumber manusia.

Strategi III: Mempertingkat keberkesanan dan ketelusan pengurusan kewangan dan perolehan.

B) PENEKANAN TERHADAP 15 INISIATIF

Strategi 1:

Memperkasakan pendaftaran Ahli Geologi dan Firma Perunding Geologi di Malaysia.

BIL	INISIATIF	KUADRAN
1	Semakan teliti maklumat yang diperlukan untuk permohonan pendaftaran baharu dan pembaharuan pendaftaran (renewal) mengikut kategori dan SOP yang ditetapkan.	A
2	Jawatankuasa Akreditasi akan menyemak dan menilai kelayakan ijazah geologi atau kelayakan setara yang diiktiraf mengikut kriteria tertentu untuk pendaftaran.	A
3	Kelulusan mata CPD diputuskan oleh Jawatankuasa JPPP berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan.	A
4	Memperbaharui dan meningkat sistem databases dan fasiliti ‘online’ khususnya berkaitan pendaftaran, CPD dan peperiksaan.	A
5	Mengemaskini Garis Panduan dan/atau SOP pendaftaran dan CPD berkenaan.	B

Strategi 2:

Memperkuuhkan kompetensi dan integriti sumber manusia LAGM.

BIL	INISIATIF	KUADRAN
1	Menghadiri latihan, kursus, bengkel atau perbincangan yang berkaitan penyiasatan dan penguatkuasaan supaya sumber manusia lebih kompeten dalam melaksanakan tugas.	A
2	Menghadiri atau menganjurkan ceramah/taklimat oleh agensi seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC), Institut Integriti Malaysia (IIM), dan Biro Pengaduan Awam (BPO), bertujuan memupuk sikap berintegriti disamping menghindari gejala rasuah.	A

3	Pelantikan Pengerusi dan ahli Jawatankuasa Penyiasatan dan Jawatankuasa Disiplin berwibawa dan dihadkan untuk tempoh tiga tahun.	B
4	Mewujudkan Garis Panduan dan mengemaskini SOP Penyiasatan dan Penguatkuasaan	B
5	Mengoptimum penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) untuk perkhidmatan yang lebih berkesan.	B

Strategi 3:

Mempertingkat keberkesanan dan ketelusan pengurusan kewangan dan perolehan.

BIL	INISIATIF	KUADRAN
1	Menghadiri program latihan/ kursus berkaitan pengurusan kewangan dan tatacara perolehan kerajaan.	A
2	Mematuhi pekeliling kewangan atau perolehan yang berkuatkuasa.	A
3	Pelantikan jawatankuasa dalam sebutharga/tender dikalangan pegawai yang kompeten dan berpengalaman dan tidak memegang lebih dari satu jawatankuasa dalam sebutharga/ tender.	B
4	Kelulusan peruntukan tahunan jawatankuasa-jawatankuasa mesti mendapat kelulusan Mesyuarat Lembaga Ahli Geologi.	B
5	Memastikan dan menambahbaik SOP sedia ada mengikut ketetapan dan tatacara seperti yang dinyatakan dalam pekeliling terkini yang dikeluarkan kerajaan.	B

2.4 Pelan Tindakan OACP Lembaga Ahli Geologi

BIDANG KEUTAMANAN 1:

PENDAFTARAN AHLI GEOLOGI DAN FIRMA PERUNDING GEOLOGI

STRATEGI 1	Memperkasakan pendaftaran Ahli Geologi Dan Firma Perunding Geologi .
OBJEKTIF STRATEGIK 1.1	Meningkatkan Ketelusan Dalam Memproses Dan Meluluskan Pendaftaran Ahli Geologi Dan Firma Perunding Geologi.

NO.	INISIATIF/PELAN TINDAKAN	PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA
1.1.1	Semakan teliti maklumat yang diperlukan untuk permohonan pendaftaran baharu dan pembaharuan pendaftaran (renewal) mengikut kategori dan SOP yang ditetapkan.	Pendaftar	Secara berterusan (2023 –2027)
1.1.2	Jawatankuasa Akreditasi akan menyemak dan menilai ijazah geologi atau kelayakan setara yang diiktiraf untuk pendaftaran.	Pengerusi JK Akreditasi	Secara berterusan (2023 –2027)
1.1.3	Kelulusan mata CPD diputuskan oleh Jawatankuasa JPPP berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan.	Pengerusi JPPP	Secara berterusan (2023 –2027)
1.1.4	Memperbaharui dan meningkat sistem databases dan fasiliti ‘online’ khususnya berkaitan pendaftaran, CPD dan peperiksaan.	Pendaftar	Secepat mungkin (2023 –2025)
1.1.5	Mengemaskini Garis Panduan dan/atau SOP pendaftaran dan CPD berkenaan.	Pendaftar Pengerusi JPPP	Mengikut keperluan (2023 –2027)

BIDANG KEUTAMANAN 2:**KAWAL SELIA DAN PENGUATKUASAAN**

STRATEGI 2	Memperkuatkuarkan kompetensi dan integriti sumber manusia
OBJEKTIF STRATEGIK 2.1	Meningkatkan tahap kompetensi , integriti dan akauntabiliti personel

NO.	INISIATIF/PELAN TINDAKAN	PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA
2.1.1	Menghadiri latihan, kursus, bengkel atau perbincangan yang berkaitan penyiasatan dan penguatkuasaan supaya sumber manusia lebih kompeten dalam melaksanakan tugas.	Pendaftar	Mengikut keperluan (2023-2027)
2.1.2	Menghadiri atau menganjurkan ceramah/taklimat oleh agensi seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC), Institut Integriti Malaysia (IIM), dan Biro Pengaduan Awam (BPO), bertujuan memupuk sikap berintegriti disamping menghindari gejala rasuah.	Pengerusi JPEDP	Mengikut keperluan (2023-2027)
2.1.3	Pelantikan Pengerusi dan ahli Jawatankuasa Penyiasatan dan Jawatankuasa Disiplin berwibawa dan dihadkan untuk tempoh tiga tahun.	Pengerusi LAGM	Mengikut tempoh yang ditetapkan (2023-2027)
2.1.4	Mewujudkan Garis Panduan dan mengemaskini SOP Penyiasatan dan Penguatkuasaan	Pengerusi JPEDP	Dalam tempoh 2 tahun (2023-2024)
2.1.5	Mengoptimum penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) untuk perkhidmatan yang lebih berkesan.	Pendaftar	Secara berterusan (2023-2027)

BIDANG KEUTAMANAN 3:**PENGURUSAN KEWANGAN DAN PEROLEHAN**

STRATEGI 3	Mempertingkatkan keberkesan dan ketelusan kewangan dan perolehan
OBJEKTIF STRATEGIK 3.1	Memantapkan keberkesan dan ketelusan pengurusan kewangan dan perolehan organisasi

NO.	INISIATIF/PELAN TINDAKAN	PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA
3.1.1	Menghadiri program latihan/ kursus berkaitan pengurusan kewangan dan tatacara perolehan kerajaan.	Eksekutif Kewangan	Mengikut keperluan (2023-2027)
3.1.2	Mematuhi pekeliling kewangan atau perolehan yang berkuatkuasa.	Eksekutif Kewangan	Sepanjang tahun (2023-2027)
3.1.3	Pelantikan jawatankuasa dalam sebutharga/tender dikalangan pegawai yang kompeten dan berpengalaman dan tidak memegang lebih dari satu jawatankuasa dalam sebutharga/ tender.	Pengurusi LAGM	Mengikut keperluan (2023-2027)
3.1.4	Kelulusan peruntukan tahunan jawatankuasa-jawatankuasa mesti mendapat kelulusan Mesyuarat Lembaga Ahli Geologi.	Pengerusi JHKK	Setiap tahun (2023-2027)
3.1.5	Memastikan dan menambahbaik SOP sedia ada mengikut ketetapan dan tatacara seperti yang dinyatakan dalam pekeliling terkini yang dikeluarkan kerajaan.	Pengerusi JHKK	Mengikut keperluan (2023-2027)



3. MEMPERKASAKAN USAHA PENCEGAHAN RASUAH LEMBAGA AHLI GEOLOGI

3.1 Mekanisme Pelaksanaan

Berdasarkan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018 Siri 2 No.1 Tahun 2019 Pemantapan Governans, Integriti dan Antirasuah Dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional, penyelarasan pembangunan dan pelaksanaan OACP diselaraskan oleh sekretariat penyelaras OACP yang berperanan memantau, menilai dan melapor pencapaian OACP Lembaga.

Bagi memastikan OACP dilaksanakan, Jawatankuasa OACP Lembaga hendaklah memastikan:

- i. Sekretariat Lembaga memantau, menilai dan melapor pencapaian OACP.
- ii. Memastikan setiap Inisiatif/Pelan Tindakan di laksana mengikut tempoh sasaran yang ditetapkan.
- iii. Melaksana koordinasi dan keterlibatan bagi memastikan Pelan Tindakan dapat di laksana dengan lebih berkesan
- iv. Memastikan pelaksanaan setiap Pelan Tindakan
- v. Memastikan Laporan Pencapaian pelaksanaan OACP dikemukakan kepada Pengerusi Lembaga setiap empat bulan (tiga kali setahun)
- vi. Memastikan Laporan Pencapaian Pelaksanaan OACP dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) Lembaga untuk pertimbangan dan keputusan.

Laporan Pencapaian Pelaksanaan OACP hendaklah dibentang dalam Mesyuarat JAR Lembaga. Seterusnya JAR Lembaga akan melaporkan pula kepada JAR peringkat Kementerian.

3.2 Penyediaan Laporan Pencapaian Pelaksanaan OACP

Jawatankuasa OACP Lembaga menyediakan laporan pencapaian pelaksanaan OACP kepada JAR Lembaga sebanyak 3 kali setahun dengan mengambil tindakan berikut:

- i. Memastikan setiap inisiatif/pelan tindakan dilaksanakan mengikut tempoh yang dipersetujui.
- ii. Mengemaskini dan memantau inisiatif/pelan tindakan yang dilaksanakan oleh peneraju/pelaksana mengikut jadual dan status perlaksanaannya dilaporkan melalui pembentangan Laporan Pencapaian Pelaksanaan OACP.
- iii. Laporan ringkas diselaraskan di peringkat pelaksana setiap kali Mesyuarat Lembaga mengikut bidang keutamaan dengan dipengerusikan oleh Pengerusi Lembaga.
- iv. Membentangkan laporan pencapaian dalam Mesyuarat JAR Lembaga yang diadakan 3 kali setahun dan seterusnya dibawa ke Mesyuarat JAR peringkat Kementerian.



3.3 Struktur Tadbir Urus OACP

I. JAWATANKUASA OACP LEMBAGA

Jawatankuasa OACP Lembaga terdiri daripada staf berikut:

Pengerusi OACP Lembaga:	Pendaftar Lembaga Ahli Geologi
Ahli-Ahli:	i. Eksekutif Pentadbiran ii. Eksekutif Pendaftaran
Urusetia:	Eksekutif Penguatkuasaan

Fungsi dan Tugas:

- Memastikan pelaksanaan program-program berkaitan yang telah ditetapkan dan membuat pemantauan ke atas pelaksanaan program tersebut.
- Mengenal pasti penyelesaian terbaik.
- Mengemukakan Laporan Pelaksanaan OACP ke Mesyuarat JAR Lembaga.



II. JAWATANKUASA ANTIRASUAH (JAR) LEMBAGA

Pengerusi JAR Lembaga:	Pengerusi Lembaga Ahli Geologi Malaysia
Ahli-Ahli:	<ol style="list-style-type: none">i. Pengerusi J/K Perundangan, Etika, Disiplin dan Penguatkuasaan (JPEDP)ii. Pengerusi Jawatankuasa Hal-Ehwal Korporat dan Kewangan (JHKK)iii. Pengerusi Jawatankuasa Program Pembangunan Profesional (JPPP)
Urusetia:	Eksekutif Penguatkuasaan

Fungsi dan Tugas:

- Meneliti Laporan Pemantauan dan Penilaian OACP daripada Jawatankuasa OACP Lembaga.
- Mendapatkan penjelasan daripada pelaksana pelan tindakan.
- Membuat keputusan penting selari dengan kepentingan Lembaga.
- Memperakukan isu dan laporan untuk dikemukakan kepada JAR Kementerian jika diperlukan.

**PELAPORAN JAR LEMBAGA SETERUSNYA DIANGKAT KE JAWATANKUASA
ANTIRASUAH (JAR) KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN
PERUBAHAN IKLIM.**

3.4 Mekanisme Penyelarasan Dan Pemantauan

PEMANTAUAN OLEH J/KUASA OACP LEMBAGA

J/Kuasa OACP Lembaga perlu melaksanakan pemantauan:

1. Memantau pelaksanaan inisiatif/pelan tindakan oleh peneraju/pelaksana.
2. Membuat perbandingan pencapaian dengan sasaran.
3. Membincangkan segala kekangan atau cabaran dalam pelaksanaan inisiatif di dalam Mesyuarat Pengurusan Lembaga; dan
4. Menyediakan pelaporan kepada JAR Lembaga pada setiap empat (4) bulan atau tiga (3) kali setahun.

PENYELARASAN

JAWATANKUASA ANTIRASUAH LEMBAGA

Menasihati dan mengenal pasti penyelesaian terbaik untuk OACP.

URUS SETIA

Melaporkan status pelaksanaan OACP setiap empat (4) bulan kepada J/K OACP Lembaga dan seterusnya ke Mesyuarat JAR Lembaga.

PENERAJU/PELAKSANA

Mengemukakan laporan setiap 4 bulan kepada Jawatankuasa OACP Lembaga



3.5 Mekanisme Penilaian

JAWATANKUASA ANTIRASUAH (JAR) LEMBAGA	CARTA ALIR MEKANISME PENILAIAN
<ul style="list-style-type: none"> • Mesyuarat 3 kali setahun. • Penilaian kualitatif dan kuantitatif semua pelan tindakan. • Memantau prestasi pelaksanaan inisiatif. • Mendapatkan penjelasan pihak pelaksana. • Menyediakan laporan ringkas sebanyak tiga (3) kali setahun dan laporan penuh pencapaian OACP Lembaga. • Memperakukan laporan prestasi OACP Lembaga untuk dikemukakan kepada JAR Kementerian. 	 <pre> graph TD A[PENERAJU PELAN TINDAKAN] --> B[URUSETIA JAWATANKUASA OACP LEMBAGA] B --> C[JAWATANKUASA ANTIRASUAH (JAR) LEMBAGA] </pre>

3.6 Penilaian

Inisiatif Pelan OACP dinilai sekali pada setiap hujung tahun. Namun demikian, ianya tertakluk kepada keupayaan Lembaga dan pelaksana yang melaksanakan inisiatif tersebut berdasarkan perkembangan yang dilaporkan setiap kali dalam Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah Lembaga. Menerusi laporan ini juga, pelaksana boleh mengemukakan masalah dan halangan yang perlu diatasi untuk tujuan penilaian semula dan dipersetujui oleh Jawatankuasa OACP.

Penilaian keseluruhan pencapaian inisiatif perlu mengambil kira matlamat berikut:

Meminimumkan salah laku yang melibatkan integriti dan rasuah dalam kalangan warga Lembaga dengan menyediakan alternatif.

- Laporan statistik salah laku pegawai dipantau dan dilaporkan dalam mesyuarat pemantauan.
- Senarai alternatif yang telah dilaksanakan meliputi semua bidang.

Meningkatkan keyakinan dan kesedaran awam berhubung penyampaian perkhidmatan Lembaga demi kesejahteraan dan kemakmuran bersama.

- Membuat semakan semula terhadap OACP Lembaga.

3.7 Semakan Dan Pembaharuan OACP

Semakan dan Pembaharuan OACP

- Pelan tindakan yang dirangka hendaklah dilaksanakan secara bersungguh – sungguh supaya berjaya menangani masalah rasuah. Impak pelaksanaan OACP dapat diukur dengan melakukan penilaian dan semakan semula terhadap inisiatif yang ditawarkan.
- Tindakan pembaharuan OACP perlu dilaksanakan pada akhir tahun 2027 dan dikeluarkan pada tahun berikutnya.





4. KESIMPULAN

4.1 Kesimpulan Pelan Antirasuah Lembaga Ahli Geologi

Pelan Antirasuah Organisasi atau Organization Anti – Corruption Plan (OACP) Lembaga Ahli Geologi Malaysia (LAGM) 2023-2027 telah dibangunkan selaras dengan komitmen Kerajaan dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) bagi mencapai aspirasi agar Malaysia dikenali dengan integritinya, dan bukan kerana rasuah. OACP ini menjadi panduan utama untuk menangani masalah rasuah, salah laku, penyelewengan dan salah guna kuasa dalam Lembaga dalam usaha untuk memastikan pelaksanaan pencegahan rasuah yang berkesan dapat dilaksanakan di semua peringkat.

Bagi memperlihatkan komitmen Lembaga Ahli Geologi Malaysia dalam menyokong usaha Kerajaan, OACP ini dibangunkan untuk tempoh lima (5) tahun iaitu 2023 hingga 2027. OACP ini telah menggariskan 15 inisiatif yang akan dilaksanakan oleh LAGM sebagai mekanisme pengurusan pemantapan governans, integriti dan antirasuah Lembaga.

Pelan ini juga menjelaskan mekanisme penyelarasan dan pemantauan bagi memastikan inisiatif-inisiatif OACP LAGM dilaksanakan seperti yang ditetapkan dan pelan ini akan sentiasa dikaji dan dikemaskini mengikut cabaran dan perubahan semasa.

Secara keseluruhannya, kejayaan dan keberkesanan OACP ini amat bergantung penuh kepada komitmen dan kesepakatan keseluruhan warga Lembaga Ahli Geologi Malaysia, Kementerian serta kestabilan sistem politik semasa dalam negara. Hanya dengan kesepakatan inilah, OACP Lembaga Ahli Geologi Malaysia akan mencapai matlamatnya dan kekal relevan untuk generasi akan datang.



Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya)"

Surah al-Baqarah : Ayat 188